BIL. 50 OKT 2019

CREATE
e-newsletter

Kolaborasi UMP dan GMI dalam Program Pe

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kolaborasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan German-Malaysian Institute (GMI) dalam Program Ker
lima tahun lalu memberi peluang mahasiswa institusi ini mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Te
Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dengan Kepujian.

Program kerjasama akademik ini telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahu

pengambilan pertama pelajar pada tahun yang sama.

Seramai 43 orang graduan program pesisir merupakan di antara 3,778 orang graduan yang bakal bergra
yang akan berlangsung pada 16 dan 17 November depan.

Bagi menghargai kerjasama yang telah terjalin ini, UMP menganjurkan Majlis Apresiasi Program Pes
Putrajaya pada 21 September 2019 yang lalu.

Program bertujuan menghargai dan mengeratkan lagi hubungan di antara pihak pengurusan, alumni dan pa

Selain itu, kedua-dua pihak juga boleh mendapatkan maklum balas dan menilai sejauh mana keberkes
selama lima tahun serta penambahbaikan melalui pembangunan inisiatif strategik yang boleh diambil oleh

Hadir merasmikan program ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Interim Management Team M
serta pengurusan tertinggi UMP dan GMI.

Menurut Dato’ Sri Ibrahim, kerjasama strategik industri seperti UMP-GMI ini sangat signifikan dan telah m
telah menduduki tempat pertama di Malaysia dan ke-71 di dunia dalam kalangan universiti bagi kriteria K
Employer) dalam penarafan *QS Graduate Employability 2020 (QS GE).*

“Graduan bagi Program Pesisir UMP-GMI boleh berbangga apabila UMP turut berada di kedudukan
kebolehpasaran graduan 2020 yang diumumkan pada 15 September lalu.

“Alumni juga diseru untuk melanjutkan pelajaran peringkat yang lebih tinggi di UMP,” kata Dato’ Sri
anugerah kepada tujuh orang pelajar cemerlang dalam majlis ini.

Bagi alumni UMP, Muhammad Rezza Zullkeply yang mengikuti program Teknologi Kejuruteraan (Ele
kumpulan pertama bagi program ini dan menyifatkan program kerjasama ini adalah unik.

Sesi pembelajaran dilaksanakan di kampus GMI dengan penglibatan tenaga pengajar dari UMP dan GMI.

Muhammad Rezza yang kini berkhidmat sebagai Jurutera Automasi di Sony EMCS menerima Anugerah Pe

Manakala Maryam Khalilah Mat yang bakal bergraduasi di UMP pada November ini mengharapkan ag
diperluaskan kepada kursus-kursus yang lain berbanding hanya dua program sahaja ketika ini.

Maryam yang kini bertugas sebagai Jurutera Proses di *NXP Semiconductor* berjaya menamatkan program
menerima Anugerah Pelajar Cemerlang pada majlis tersebut.

Lebih 200 orang pelajar dan alumni Program Pesisir UMP-GMI hadir pada majlis tersebut.

Pertandingan *ICe-CInno* pupuk minat pelajar dalam inovasi

Bermula dengan kelas robotik pada musim cuti sekolah, pelajar tahun 4 Sekolah Kebangsaan Tok Sira K
Safri, 10 tahun dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas (Kategori Sekolah Rendah) apabila hasil
Driven by Robotic Car) memenangi pingat emas dan mencuri tumpuan juri dalam pertandingan I*nternation*
Innovation (ICe-CInno).

Pertandingan anjuran Fakulti Komputeran, Kolej Komputer & Sains Gunaan Universiti Malaysia Pahang
2019 yang lalu di Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang.

Anugerah Khas Bagi Kategori Sekolah Menengah pula dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan
Lock dan bagi kategori Institusi Kemahiran dan Prasiswazah pula telah dimenangi oleh Politeknik Sultan H
site for electrical services.

Manakala Anugerah Khas Bagi Kategori Universiti (Pascasiswazah) diraih siswazah Universiti Islam An
Ontology Model in Analyzing Ethical Issues based on ibnu Khalduns Thoughts dan bagi Anugerah Kateg
Studio dengan tajuk *ERP School.*

Anugerah Khas Alumni UMP telah dimenangi oleh Politeknik Muadzam Shah dengan penyelidikan *Fish Fe*

Sebanyak 58 hasil penyelidikan dipamerkan melibatkan penyertaan daripada pelajar sekolah dan Institusi P

Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff yang
dan Sains Gunaan, Profesor Madya Ts. Dr. Ruzaini Abdullah Arshah dan Pengarah Program ICe-CInno, D

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, pertandingan ini berjaya menarik minat generasi hari ini dan melahirk
sekolah, kolej, politeknik serta universiti dalam menyalurkan idea kreatif dan inovatif bagi menghasilkan ino

“Inovasi berasaskan komputer ini bersifat universal yang menjangkaui bidang Kejuruteraan, Sains dan Sain

“Ia bertepatan dengan keperluan negara berdepan dengan Era Revolusi Perindustrian Keempat (IR
kecekapan seiring transformasi digital.

“Begitu juga dengan keperluan terhadap teknologi robotik, objek rangkaian internet (IoT), kepintaran bu
perisian, sistem komunikasi mudah alih, dan integrasi sistem digital di antara elemen baharu yang bakal be

Penganjuran program ini merupakan platform terbaik dalam membudayakan inovasi dan memupuk krea
penyelidik melalui penerokaan bidang penyelidikan utama yang bukan sahaja dapat meningkatkan per
penyelidikan serta amalan semasa dalam industri.

Cipta teknologi baharu persiapan mahasiswa berd

Oleh: NUR SA’ADATUL AFZAN JUSOH, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT.

Sejak tercetusnya Revolusi Perindustrian keempat (IR 4.0) pada pertengahan tahun 2016 dengan me
cabaran baharu dalam semua sektor perkhidmatan dan perindustrian negara.

Ia menuntut perubahan semua pihak seiring transformasi digital agar dapat terus kekal berdaya saing
memandangkan ia bakal memberi kesan langsung kepada masa depan dunia pekerjaan kini.

Teknologi robotik, objek rangkaian Internet (IOT), kepintaran buatan (AI), data analitik, pemprosesan im
percetakan tiga dimensi (3D), keselamatan siber, simulasi, dan integrasi sistem digital di antara elemer
pekerjaan dan sistem sedia ada.

Antara bidang yang turut bergerak seiring perkembangan revolusi ini ialah pendidikan yang mana antara p
ruang kerjasama antara institusi pendidikan dan teknikal serta industri.

Pada peringkat pendidikan tinggi misalnya, ia berkisar kepada pembangunan bakat dan bidang teknolog
mempersiapkan graduan untuk pasaran kerja dalam pengeluaran pintar.

Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Skills Development Center, Muhamed Ali Hajah Mydin menggariskan
transisi perubahan ke arah IR 4.0 iaitu bakat, proses dan teknologi.

“Bakat memfokuskan individu dan keseluruhan organisasi dengan menekankan strategi ke arah mewujudk

“Sementara itu, teknologi memfokuskan AI, rangkaian dan teknologi automasi pada tiga peringkat yan
sistem pengurusan yang terlibat dalam menjalankan operasi, rantaian bekalan dan jangka hayat produk,” k

Walau bagaimanapun, ujarnya kita akan turut berdepan dengan beberapa cabaran yang telah dikena
daripada industri, graduan, kerajaan, dan pada peringkat institusi.

“Contohnya, industri akan berdepan dengan graduan baharu yang tidak kompeten, cabaran graduan ma
masa tiga tahun dan latihan industri di antara tiga hingga enam bulan yang tidak berstruktur.

“Malahan, graduan Generasi Y dan Z pula berdepan dengan kurang pendedahan kepada situasi sebenar
dengan teknologi tetapi kurang dari segi kolaborasi dan kemahiran menyelesaikan masalah,” katanya.

Justeru, beliau turut menasihatkan graduan supaya perlu didedahkan dengan psikologi industri.

Sementara itu, ujar beliau lagi, kerajaan pula berdepan dengan tekanan daripada industri pembuatan teru
dalam hal berkaitan sumber manusia.

“Penglibatan pelbagai kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI),
Sumber Manusia juga perlu diselaraskan dengan baik.

“Manakala pada peringkat institusi pula, seperti universiti dan politeknik, cabaran akan wujud dari
perubahan teknologi tetapi dalam masa yang sama terikat dengan keperluan Agensi Kelayakan Ma
Kemahiran,” katanya.

Dalam pada itu, Muhamed Ali juga mencadangkan agar sistem pembelajaran pada peringkat tinggi mung
pensyarah dan bakal graduan perlu bersama-sama belajar dan mencipta sesuatu yang baharu.

Beliau hadir menjayakan *Professional Talk Series* dengan tajuk ‘Persiapan Peralihan: Bakat, Teknologi, P
Masyarakat (ICoN) bertempat di Bilik Seminar ICoN, UMP Kampus Gambang pada 24 September 2019 ya

Turut hadir Pengarah Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN), Profesor Madya Dr. Nurul Hazlina
Mohd Rais, warga UMP dan institusi pendidikan lain sekitar Kuantan.

Bagi mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif, Amirah Ibrahim berpendapat
ilmu baharu tentang teknologi khususnya bagaimana proses migrasi IR 4.0 dapat dilaksanakan dengan jay

“Ia dapat memberikan idea dan inspirasi untuk memotivasikan mahasiswa dan mendorong mereka untuk
memenuhi keperluan semasa,” katanya.

Kisah Akhir Zaman sempena Karnival Mahabb

Oleh: NUR SA’ADATUL AFZAN JUSOH, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT.

Setiap Nabi dan Rasul yang diutus kepada umat manusia sudah mengetahui tentang kemunculan Dajal pa

Apabila munculnya Dajal ke dunia ini, manusia akan sangat mudah terpengaruh kerana dikatakan
mengelirukan manusia.

Antaranya menyuburkan tanah yang gersang, menyembuhkan orang yang sakit, menghidupkan oran
istimewa.

Rasulullah SAW ketika hayatnya bersungguh-sungguh berdoa memohon kepada Allah SWT per
memerintahkan umat manusia supaya sentiasa berhati-hati dengan Dajal.

Begitulah pengenalan seminar yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Wakaf, Za
Meeftah Anuar yang mengupas tajuk ‘Akhir Zaman’ dalam ceramahnya yang berlangsung di Dewan Tun
September 2019 yang lalu.

Menurut beliau lagi, hidup manusia ini akan berhadapan dengan lima perkara iaitu syaitan, nafsu, Qarin, j
membisikkan kepada kita untuk melakukan perkara yang dilarang.

“Hanya iman yang mampu menahan diri kita daripada tergoda dengan hasutan dan godaan. Amalan ziki
Muhammad SAW dan beristighfar dapat dijadikan sebagai benteng mengawal diri pada akhir zaman,” ujarn

Meneruskan bicara, Ustaz Mohd Meeftah berkongsi mengenai sembilan lagi tanda-tanda besar akhir zama

“Tanda kedua ialah keluarnya asap (Dukhan) yang menyelubungi bumi yang mana menyebabkan cahay
yang melampau.

“Jerebu yang dialami oleh negara kita dan negara jiran pada ketika ini cumalah sebahagian kecil sahaja da

“Kemudian Allah SWT mengutuskan Nabi Isa a.s yang diturunkan di sebuah menara putih di bahagian Tim
memusnahkan Dajal.

“Kedatangan Nabi Isa a.s adalah untuk menyelamatkan hamba-hamba Allah SWT yang soleh. Setelah
Makjuj yang mana makhluk ini terlalu hebat. Nabi Isa a.s berdoa meminta pertolongan kepada Allah S
sehingga makhluk yang hebat itu semuanya mati,” katanya.

Tambah beliau lagi, seterusnya, matahari akan terbit di sebelah barat, tetapi sebelum itu, bumi akan bera
tiga hari. Ketika matahari muncul semula dari sebelah barat, Allah SWT sudah menutup pintu taubat serapa

“Tanda kiamat seterusnya, keluarnya sejenis binatang berkaki empat dari bumi, Dabbah. Dabbah akan
menggunakan bahasa yang kita fahami. Ia turut membawa dua alat iaitu tongkat Nabi Musa a.s. dan cincin

“Jika ia mendatangi seseorang dan menghulurkan tongkat Nabi Musa a.s., maka wajah orang yang m
sebaliknya jika seseorang itu menerima cincin Nabi Sulaiman a.s.,” katanya.

Ustaz Mohd Meeftah menerangkan bahawa gempa bumi akan terjadi sebanyak tiga kali yang akhirnya mer

“Gempa tersebut berlaku di sebelah barat, timur dan di negeri-negeri Arab. Kemudian diakhiri tanda bes
mengiringi manusia ke tempat mereka dihimpunkan.

“Apa pun yang terjadi umat Islam harus bersiap siaga, beriman dan beramal soleh kerana itulah hikm
mengenai hari kiamat yang tiada siapa tahu kecuali Allah SWT,” ujar beliau.

Seramai 70 orang yang terdiri daripada warga UMP, agensi kerajaan luar dan enam orang pelajar bukan m

Ketika ditanya, Eugene Leong Kai Yi, pelajar tahun 3 daripada Fakulti Teknologi Kejuruteran Kimia dan Pr
berminat untuk mengetahui serba sedikit tentang akhirat dan agama Islam secara amnya.

Menurut Nolia Jusoh pula dari Jaya Gading, program seumpama ini dapat memberi peringatan kepada kita
PIMPIN meneruskan program-program seperti ini pada masa hadapan.



- 89 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia